

24 DEC 1997

KAKAK IPAR DR MAHATHIR MENINGGAL DUNIA

SUNGAI PETANI, 24 Dis (Bernama) -- Kakak ipar Perdana Menteri, Habsah Long, 78, meninggal dunia di Hospital Pakar Metro di sini malam tadi.

Menurut suaminya Mahadi Mohamad, 83, allahyarham meninggal dunia pada pukul 10.50 malam.

Mahadi bersama anak-anaknya dan anggota keluarga terdekat berada di sisi allahyarham semasa beliau menghembuskan nafas terakhir.

Habsah dimasukkan ke hospital itu Sabtu lepas kerana penyakit angin ahmar. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Penghulu Him pada pukul 12.30 tengah hari.

Selain Mahadi, abang kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, allahyarham meninggalkan enam anak termasuk empat perempuan.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat Habsah di hospital itu Isnin lepas. -- BERNAMA

JM RON